

KONSEP HIFZ AN-NAFS (PEMELIHARAAN NYAWA) BERDASARKAN MAQASID SHARIAH DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19

HASRI BIN HARUN

hasri@unisel.edu.my

Institut Maqasid Shariah (INSMAQ), Pusat Kecemerlangan (COE) &
Jabatan Perakaunan, Kewangan dan Muamalat (JPKM)
Fakulti Perakaunan dan Perniagaan (FBA)
Universiti Selangor (UNISEL)

HASLIZA BINTI MOHAMAD ALI

liza_ali@unisel.edu.my

Jabatan Pengajian Umum & Bahasa (JUSA)
Pusat Pengajian Asasi Dan Umum (PADU)
Universiti Selangor (UNISEL)

ABSTRAK

Konsep Pemeliharaan Nyawa (Hifz al-Nafs) adalah salah satu daripada lima konsep utama yang dihuraikan oleh ulama dalam kerangka Maqasid Shariah. Menjaga nyawa sangat penting kerana ianya perlu bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan melaksanakan amanah pengabdian kepada Allah apatah lagi ketika menghadapi ujian yang besar seperti pandemic Virus Covid-19. Namun ada dikalangan masyarakat yang tidak mengambil berat persoalan menjaga nyawa terutama apabila isu Covid-19 ini berlaku. Usaha yang digerakkan oleh pihak berkuasa seperti kempen penjarakkan sosial (social distance) dan kempen duduk di rumah (stay at home) bagi sesetengah pihak diambil sambil lewa. Artikel ini bertujuan menghuraikan konsep Hifz Al-Nafs (menjaga nyawa) menurut Islam dalam menghadapi cabaran Virus Covid-19. Beberapa hujah dan pandangan tentang kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa menepati prinsip islam berdasarkan objektif syariat. Artikel ini berteraskan penelitian perpustakaan analisa pandangan ulama dan hujah primer melalui Al-Quran dan hadith. Hasil kajian menunjukkan bahawa kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa melalui penjarakan fizikal terutama semasa sembahyang berjemaah, pemakaian pelitup muka adalah menepati Maqasid Syariah iaitu bertujuan memelihara nyawa daripada kemudaratan yang lebih besar.

Kata Kunci: Hifz Nafs. Maqasid Shariah. Pandemik Covid-19. Penjarakan Fizikal. Pemeliharaan Nyawa.

1. Pendahuluan

Penularan virus Covid-19 ini telah menjadi satu cabaran dan ujian yang sangat besar bukan sahaja kepada rakyat di Malaysia malah menjadi pandemik diseluruh dunia. Kesan daripada penularan ini telah memberikan impak yang sangat besar bukan sahaja dalam konteks kesihatan malah melibatkan kestabilan ekonomi, politik dan kesejahteraan hidup masyarakat. Menurut Eikhwan Ali et.al (2020) bahawa keadaan ini sehingga mengganggu kesejahteraan mental dan emosi sebahagian daripada mereka. Bahkan mereka boleh mengalami tekanan (stress) dengan keadaan yang berbeza-beza antara satu sama lain dan pada setiap hari. Amat malang sekali apabila pandemik membawa kepada kematian besar dan kepada warga negara yang terpaksa berdepan dengan tragedi yang sangat menyayat ini. Sebagaimana yang diketahui bahawa kes pertama COVID-19 yang dilaporkan di Malaysia adalah pada 25 Januari 2020. Menurut data terdapat 22 kes semasa gelombang pertama (25 Januari hingga 15 Februari), yang melibatkan majoriti kes import dan bukan rakyat Malaysia. Sebagai tindakan terhadap penyebaran

jangkitan di seluruh negara, perintah kawalan pergerakan (PKP) telah di dikeluarkan bermula 18 Mac hingga 31 Mac.

Penularan virus coronavirus ini bukan sahaja memberi kesan kepada sosioekonomi masyarakat malah memberi kesan juga kepada kefahaman dan kesedaran beragama dikalangan masyarakat muslim khususnya di Malaysia. Bahkan menyebabkan kemurungan. Menurut Khairunneezam (2018) bahawa hati dan pemikiran seseorang sentiasa bersandarkan kepada sifat tawaduk, yakin dan syukur kepada Allah SWT, maka dirinya akan diberikan petunjuk dan hidayah-Nya dalam menangani segala tekanan dan kemurungan tersebut. Disinilah pentingnya amalan diri dalam mendepani pandemik ini. Akibat daripada merebaknya virus ini ia telah menyebabkan beberapa keutamaan dalam memelihara kesejahteraan kehidupan juga menjadi perkara yang terpaksa dihadapi. Apabila kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) menetapkan beberapa peraturan khususnya dalam hal ehwal agama seperti jumlah Jemaah solat jumaat dihadkan, setiap Jemaah yang datang kemesjid memakai pelitup muka dan sebagainya. Dan ini telah memberi kesan tidak selesa dikalangan masyarakat dan tidak kurang juga ada yang beranggapan tindakan ini menjejaskan kegiatan ibadah khususnya umat Islam. Tidak kurang juga yang mempertikaikan keputusan Jabatan agama negeri yang menyediakan SOP ketat terutama kegiatan pengimarah masjid dan surau yang sebelum ini menjadi satu kegiatan besar umat Islam.

Namun bagaimanapun keadaannya sudah pasti tindakan ini bukanlah suatu keputusan kecil yang telah ditetapkan khususnya oleh pihak berkuasa agama negeri. Hakikatnya menurut Islam memelihara kesejahteraan hidup atau dengan kata lain memelihara jiwa dan nyawa bukan suatu perkara yang kecil malah memerlukan satu penelitian yang besar kerana kesan daripada pengabaian nyawa dan jiwa boleh mengundang kepada kemudaratan. Artikel ini akan membahaskan aspek-aspek berkaitan peri pentingnya penjagaan nyawa dan jiwa sebagai salahsatu daripada keutamaan dalam kerangka Maqasid syariah yang telah pun dibahaskan oleh Ulama. Disamping itu juga menghuraikan realiti semasa pelaksanaan SOP yang telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa demi kemaslahatan besar umat Islam khasnya.

2. Metodologi

Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data melalui kepustakaan dan analisis digunakan bagi metod analisi data tersebut. Ia mengambil dalil-dalil berkenaan pemeliharaan nyawa (*hif nafs*) dan bagaimana ianya penting berdasarkan kerangka maqasid syariah terutama dalam mendepan pandemik covid-19. Dalil daripada al-Quran dan Sunnah digunakan bagi menjawab perkara penting dalam memahami elemen pemeliharaan nyawa (*Hifz nafs*) sebagai elemen penting dalam mendepani pandemik covid-19. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penularan pandemik ini telah memberi satu ruang kepada masyarakat memahami akan peri pentingnya *hifz nafs* dalam kerangka maqasid dan jelas memberi pembuktian bagaimana ilmu maqasid dan qawaid fihiyyah menjadi asas penting dalam mengeluarkan hukum terutama dalam suasana wabak yang berleluasa.

3. Konsep *Hifz al-nafs* Menurut Islam

Hifz al-Nafs bermaksud menjaga jiwa yang berasal dari gabungan dua kata bahasa arab *Hifz* yang bermaksud menjaga dan *al-Nafs* bermaksud jiwa atau ruh. *Hifz al-Nafs* adalah mencegah terjadinya hal-hal buruk dan memastikannya tetap hidup (al-Khadimi:2006) Secara umumnya bahawa konsep *hifz al-nafs* adalah pemeliharaan terhadap nyawa atau jiwa yang mana ini merupakan objektif kedua terpenting secara berurutan setelah prinsip *hifz al-din* (memelihara atau menjaga agama) dalam turutan Maqasid Syariah. Sebagai contoh, Islam melarang

perbuatan membunuh baik membunuh diri sendiri mahupun manusia lain dan bagi yang melakukan perbuatan tersebut maka Islam mensyariatkan hukuman *qiyas*, *diyat*, mahupun *kafarah* bagi mereka yang telah melakukan pembunuhan baik secara sengaja maupun secara tidak sengaja (al-Shatibi:1998). Objektif memelihara nyawa ini dinyatakan oleh para ulama berdasarkan kefahaman mereka terhadap firman Allah SWT:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya: “Dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah: 179).

Menurut Chapra (2008) beliau mengemukakan maksud yang agak terkini iaitu bagi *hifz al-nafs* yang melibatkan pencapaian iaitu pemeliharaan maruah, persaudaraan, kesaksamaan sosial, keadilan, peningkatan rohani dan moral, keselamatan hidup, harta dan kehormatan, kebebasan, pendidikan, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan dan peluang bekerja sendiri, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, keluarga dan perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan mental.

Hifz al-nafs dalam martabat maqasid syariah berada pada kedudukan yang kedua selepas *hifz al-deen* (menjaga agama). Justeru, Ibn ‘Asyur menghurai maksud *hifz al-nafs* sebagai berkata:

“Makna *hifz al-nafs* iaitu memelihara ruh individu dan masyarakat keseluruhannya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Hal ini kerana alam adalah terdiri daripada beberapa unit individu manusia yang mempunyai keunikan sebagai asas kepada ketamadunan dunia. *Hifz al-nafs* bukan bermaksud melaksanakan hukuman kisas semata-mata sebagaimana yang yang difahami oleh sebahagian para fuqaha’, malah hukuman kisas adalah elemen yang tersangat lemah dalam *hifz al-nafs* kerana ia akan menghilangkan sebahagian daripada nyawa. Justeru, memelihara nyawa manusia lebih baik daripada menjatuhkan hukuman sebagaimana mencegah penyakit yang berjangkit adalah lebih utama daripada merawat epidemik berkenaan.”

Yang dimaksudkan dengan menjaga jiwa juga ialah keseluruhan jiwa seseorang manusia yang merangkumi pelbagai aspek yang boleh dilihat dan disentuh oleh deria, iaitu jasmani dan juga unsur maknawi yang sebaliknya tidak boleh dilihat dan disentuh oleh deria iaitu rohani. Jasmani termasuklah semua pancaindera dan anggota badan dan sebagainya. Rohani pula adalah nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya (al-Najjar 2014).

Manakala menurut Kasule (2004) menjelaskan bahawa objektif memelihara nyawa mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan sains perubatan. Ia bertujuan untuk memberikan penyelesaian kepada isu kesihatan manusia. Sains perubatan bukan untuk melewati atau menghalang kematian, kerana kematian itu urusan Allah SWT. Sains perubatan adalah untuk memenuhi perintah Allah dan Nabi Muhammad iaitu jika seseorang itu sakit, maka dia wajib berusaha mencari rawatan dan ubat

Hakikatnya bahawa menjaga jiwa atau *hifz al-nafs* termasuk dalam *al-kulliyat al-khams* kerana agama tidak akan mampu tertegak sekiranya tiada jiwa-jiwa yang menegakkannya. Sekiranya manusia ingin menegakkan agama Islam, bererti manusia mesti menjaga jiwa dan nyawa yang akan menegakkan agama. Jiwa yang mesti dijaga kekuatannya dari kelemahan itu pula adalah secara total, iaitu merangkumi jiwa jasmani dan juga jiwa rohani.

4. Pengambilan Vaksin untuk memelihara nyawa (*Hifz Nafs*)

Berdasarkan keperluan dan kepentingan dalam memelihara nyawa sememang tiada dalil yang jelas menyatakan tentang kewajiban mendapatkan vaksin namun dalam Islam usaha mendapat pencegahan daripada penyakit adalah suatu yang dituntut dalam Islam. Sebagai contoh dalam surah al-Baqarah 195;

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ . وَأَحْسِنُوا . إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan infqlah dijalan Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”

Ayat ini dengan jelas menyatakan kepentingan mencegah diri daripada kebinasaan. Tuntutan mengelak diri daripada penyakit dengan mengambil vaksin adalah satu usaha pencegahan yang dituntut dalam islam. Maka disinilah keperluan memahami usaha mengelakan mudarat dalam diri. Ramai dikalangan Masyarakat yang berasa ragu-ragu dalam usaha mengambil vaksin dalam memastikan covid-19 ini dapat dihilangkan. Ini kerana kebimbangan yang dibangkitkan adalah bukan persoalan kebaikan dan keburukan bahan yang digunakan untuk dijadikan ubat dalam mengelakkan virus ini tersebar. Akibat daripada kebimbangan ini timbul berbagai pandangan samada usaha mendapatkan vaksin adalah suatu yang bertentangan dengan hukum syarak. Dalam mendepani isu dan pemeliharaan nyawa masyarakat di Malaysia daripada Covid-19 ini Majlis Agama Islam negeri melalui jawatankuasa fatwa telah melakukan perbincangan demi perbincangan bagi mengupas isu ini. Sebagai contoh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif membincangkan isu itu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-2/2021.

Dalam mesyuarat tersebut telah membuat keputusan bahawa bersetuju mengguna pakai resolusi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) ke-10 yang bersidang pada 3 Disember tahun lalu yang menetapkan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan. Dalam konteks pemeliharaan nyawa dan jiwa ini para ulama bersepakat bahawa ia suatu yang amat penting dihayati bahawa memberikan vaksin kepada manusia juga adalah salahsatu daripada unsur penting dalam syarak itu mengelakan penyakit. Bukankah penyakit ini satu elemen yang boleh merosakan diri dan jiwa maka tanpa usaha vaksin sebagai satu usaha kita bukanlah semata-mata bertawakal membuta tuli dengan Allah SWT. Dalam kontek berusaha mengelakan kemudaran virus kepada diri maka pengambilan vaksin adalah satu usaha yang harus dilakukan dab kemudian kita bertawakkal kepada Allah. Pernah berlaku ketika perang Uhud Allah menasihati Nabi dalam berinteraksi dengan sahabatnya setelah mengalami kekalahan dalam Perang Uhud:

وَشَاوَرَهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya “dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah”

(Al Imran: 159)

Oleh yang demikian bertawakal bukan bermaksud berserah kepada kehendakNya semata-mata. Ia juga bermaksud berserah kepada hukum alam yang telah Allah wujudkan yang dapat diketahui melalui pemerhatian dan kajian kerana ketentuan Allah (takdir) tidak berlaku secara rambang, walaupun ia tidak mustahil di sisiNya.

5. Maqasid Syariah

Maqasid syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Maqasid ialah maksud atau tujuan. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasda* yang bermaksud menuju, arah, berjalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan, dan kesederhanaan (Ibn Manzur, 1993 & Abadiy, 1997). Maqasid Syariah sebagai salah satu disiplin ilmu yang amat luas, dan ianya sangat besar ertinya dalam mendepani cabaran pandemik pada hari ini. *Maqasid* bererti tujuan, objektif, prinsip dan matlamat. (Ibn Asyur). Ismail al-Hasani (1995) ketika membahaskan teori maqasid al-syariah atau “matlamat akhir” syariat Islam ini, telah mengaitkan makna bahasa “menuju” dengan istilah *al-maqsad*. Beliau berkata di dalam bukunya:

“Sesungguhnya seruan ke arah al-qasadiyyah (objektif atau tujuan syariat) adalah tugas pertama syariat Islam. Ia menuntun dan membawa perbuatan seseorang manusia kepada perbuatan, yang perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang yang niatnya bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. ketika mensyariatkannya ke atas manusia”.


Menurut Wahbah Zuhaily pula bahawa maqasid syariah adalah nilai-nilai dan sasaran syara’ yang tersirat dalam segenap mahupun sebagian besar dari hukum-hukumnya dimana nilai serta sasaran tersebut dipandang sebagai tujuan dan rahasia syariah yang telah ditetapkan oleh Syar’i (Allah SWT) dalam setiap ketentuan hukum. (Zuhaily:1986)

Al-Imam Al-Shatibi pula menyatakan bahawa beban-beban syariah kembali pada pemeliharaan serta penjagaan tujuan-tujuannya pada makhluk. Tujuan- tersebut tidak lepas daripada tiga kategori iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Al-Syar’i mempunyai tujuan yang terkandung dalam setiap penetapan hukum dalam rangka mewujudkan kemaslahatan umat manusia baik di dunia dan akhirat. Manakala al-Raysuni pula mendefinisikan maqasid al-shariah sebagai tujuan tujuan yang telah ditetapkan syariat untuk kemaslahatan hamba atau umat manusia. (Raysuni :2009) Manakala, Ibn ‘Asyur mendefinisikan bahawa maqasid al-shariah adalah makna makna dan hikmah-hikmah yang diperlihatkan oleh Allah SWT dalam semua atau sebagian besar syariat-Nya, serta masuk dalam wilayah ini sifat-sifat syariat atau tujuan umumnya.

5.1 Maqasid Syariah dan pembahagiannya

Menurut maqasid syariah, pembahagian maqasid syariah dan kedudukan dalam susunan berkenaan akan diperjelaskan terlebih dahulu. Ulamak Usul, antaranya *al-Shatibi* membahagikan maqasid syariah kepada tiga kategori, iaitu:

- (i) *al-Daruriyyat*(kepentingan),
- (ii) *al-Hajiyyat*(keperluan)
- (iii) *al-Tahsiniyyat*(penambahbaikan)



Rajah 1.0 Rangkaian Maqasid Syariah

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan tingkat keutamaan dalam syarak dan bagaimana memahaminya kefahaman Maqasid Syariah dalam kehidupan seharian. Disinilah betapa Islam meletakkan kepentingan memberi keutamaan dalam setiap tindakan seperti berikut:

A. Dharuriyat

al-Daruriyat bermaksud segala kehidupan manusia di dunia ini adalah bergantung kepadanya. Ini bermakna apabila kepentingan telah lenyap maka dunia seseorang itu juga akan rosak, hilang segala kenikmatannya dan mengundang azab di akhirat. Oleh itu, *al-Daruriyat* memelihara lima perkara, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Justeru aplikasi teori *al-daruriyyat* dalam kehidupan seharian perlulah ditentukan berdasarkan ilmu pengetahuan tanpa mengikut hawa nafsu. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip yang mana ia merupakan objektif paling asas dalam shari'ah Islam. Menurut Al-Syatibi (1997), *al-daruriyyat* adalah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Jika tiada salah satu daripada perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar pada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Akibat yang menimpa kerana ketiadaan sesuatu perkara itu mengikut berapa banyak perkara yang diperlukan itu tiada

B. Hajiiyat

Hajiyat pula bermaksud keperluan yang dihajati oleh manusia bagi mengangkat kesulitan hidup dan menolak kesukaran daripada mereka, di mana apabila keperluan telah hilang maka kehidupan manusia akan menjadi susah walaupun tidak merosakkan kehidupannya.

C. Tahsiniyat

al-Tahsiniyat bermaksud perkara yang menuntut kepada reputasi dan akhlak yang baik atau yang dimaksudkan dengannya adalah berpegang dengan adat yang baik. Skop *al-Tahsiniyat* juga mencakupi perkara ibadat, muamalat, adat dan hukuman. *Al-tahsiniyat* juga merupakan sesuatu yang menghendaki seseorang berpegang dengan akhlak-akhlak mulia dan budi pekerti. Ketidadaan *al-Tahsiniyat* tidaklah membawa kepada kesukaran hidup manusia sebagaimana ketidadaan *al-daruriyat* dan *al-hajiyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

5.2 Hifz Nafs dalam Kerangka Maqasid Syariah

Kehidupan adalah suatu yang sangat bermakna bagi semua manusia. Ia seharusnya dipelihara dalam semua keadaan samada baik atau buruk, miskin atau kaya, pemimpin atau pengikut,

muslim atau bukan muslim. Pemeliharaan ini adalah sangat penting kepada setiap individu (Akram: 2006). Walaupun hakikatnya *Hifz nafs* adalah tangga kedua selepas *Hifz al-Din* namun ia juga sangat penting dalam banyak keadaan. Menurut al-Quran betapa memelihara jiwa dan nyawa ini suatu yang sangat penting disebut oleh Allah dalam Surah Isra: 33:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۗ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيهِ سُلْطٰنًا فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ ۗ إِنَّهُ كَانَ مَنصُورًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu membunuh orang yang diharamkan Allah (membunuhnya), kecuali dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barang siapa dibunuh secara zalim, maka sungguh, Kami telah memberi kekuasaan kepada walinya, tetapi janganlah walinya itu melampaui batas dalam pembunuhan. Sesungguhnya dia adalah orang yang mendapat pertolongan”

Begitu juga betapa pemeliharaan nyawa ini sangat penting Allah SWT menjelaskan dalam al_Quran peraturan dan undang-undang terhadap sesuatu tindakan yang merosakan dan menjejaskan kehidupan. Hukum bagi mereka yang melakukan pembunuhan atau kerosakan kepada jiwa manusia. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah: 178;

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الۡفِصَاحُ فِي الۡقَتْلِ ۗ بِالْحُرِّ بِالْحُرِّ وَبِالۡعَبۡدِ بِالۡعَبۡدِ وَبِالۡأُنثَىٰ بِالۡأُنثَىٰ ۗ فَمَن عَفِيَ لَهُ مِنۡ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْهُ بِالۡمَعۡرُوفِ وَأَدِّءْ إِلَيۡهِ بِإِحۡسَنٍ ۗ ذٰلِكَ تَخۡفِيۡفٌ مِّنۡ رَبِّكُمۡ وَرَحۡمَةٌ ۗ فَمَنۡ أَعۡتَدَىٰ بَعۡدَ ذٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (melaksanakan) qisas berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba sahaya dengan hamba sahaya, perempuan dengan perempuan. Tetapi barangsiapa memperoleh maaf dari saudaranya, hendaklah dia mengikutinya dengan baik, dan membayar diat (tebusan) kepadanya dengan baik (pula). Yang demikian itu adalah keringanan dan rahmat dari Tuhanmu. Barangsiapa melampaui batas setelah itu, maka ia akan mendapat azab yang sangat pedih”

Justeru berdasarkan dalil-dalil yang dijelaskan menunjukkan bahawa betapa pentingnya memelihara nyawa dan betapa Allah begitu tegas dalam sikap kepada mereka yang melakukan kerosakan nyawa tanpa sebab. Oleh yang demikian dalam hal pandemik covid-19 ini jelas bagi kita dalam setiap kajian dan tindakan yang dilakukan oleh pakar bahawa betapa besarnya kesan terhadap masyarakat jika tidak melakukan sebarang usaha pemeliharaan jiwa untuk mengelakkan kerosakan. Jika dilihat secara jelas bukti dan kajian ini telah menunjukkan kesan buruk terhadap sikap mereka yang lalai daripada pandemic ini boleh menyebabkan kita merosakkan manusia. Dalam konteks amalan peribadatan, bukan lah suatu yang tidak baik dalam konteks memahami amalan ibadah dimasjid dan surau yang mana menjadi sebab kepada penularan penyakit ini. Sudah tentu pihak berkuasa agama memikirkan hal ini dengan teliti dan bukanlah suatu keputusan kecil untuk mengurangkan jumlah Jemaah melaksanakan ibadah disurau dan masjid semata-mata.

5.2.1 Kurangnya Jemaah dimasjid dan surau sepanjang pandemik covid-19

Masjid adalah tempat Ibadah dan pengimaran umat Islam dan sememangnya ianya amat besar ertinya kepada umat Islam. Kegiatan solat jamaah, solat jumaat, solat tarawih dan pelbagai kegiatan pengimaran. Sememangnya dalam hokum syarak adalah suatu yang berdosa bagi

mereka yang meninggalkan solat jumaat tanpa sebab kerana ianya adalah fardhu kifayah. Namun disebabkan berlakunya pandemic ini dengan besar sekali maka jumlah Jemaah dihadkan dan sebahagian besar masjid hanya dihadkan kepada ahli jawatankuasa sahaja menunaikan solat fardhu jumaat. Akibat daripada penularan pandemiknya pengimarahannya dikurangkan dan sebahagian surau ditutup. Apakah pandangan islam terhadap perkara ini? Apakah wajar keadaan ini berlaku semata-mata untuk mengelakkan penularan penyakit ini. Apakah pandangan syarak dalam perkara ini?

Menurut *Fatwa Ulama Haula Firus Kuruna* yang ditulis oleh Mas'ud Shabry (2020) menyatakan bahawa penutupan masjid dalam tempoh pandemic covid-19 ini adalah diharuskan. Ini adalah kerana mengelakkan kemudaratan. Dalam Kaedah Syarak adalah dilarang kita melakukan kemudaratan dan membawa mudarat kepada orang lain. Dalam hadith Nabi SAW yang berbunyi "*La Darar wala Dirar*" "Tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak boleh menyebabkan kemudaratan." Kaedah ini berdasarkan kepada hadis Nabi Muhammad saw yang direkodkan oleh Imam Malik, Ahmad, Ibnu Majah, dan al-Hakim. Justeru orang yang datang ke masjid ditakuti akan dijangkiti oleh covid-19 yang mana ia juga dianggap sebagai mudarat. Walaupun solat berjemaah itu menurut syarak satu yang daruri termasuk dalam pemeliharaan agama namun mengelakkan penyakit akibat daripada penutupan masjid juga adalah bertujuan mengelak kemudaratan juga adalah penting (daruri) maka *hifz nafs* juga termasuk dalam penting menurut syarak.

Adalah tidak wajar menolak sebarang usaha penegasan SOP terhadap masjid dan surau yang ditetapkan demi mengelak kemudaratan semata-mata maka tohmahan diberikan atas alasan tidak membenarkan pengimarahannya dimasjid. Bukankan ini adalah satu usaha sementara demi mengelakkan darurat yang lebih besar.

5.2.2 Penjarakan saf solat berjemaah

Masyarakat telah sedia maklum bahawa dalam tempoh serangan pandemi ini solat Jemaah disurau dan masjid telah ditetapkan mengikut penjarakan fizikal 1 meter di antara Jemaah. Ini bagi mengelakkan virus daripada berjangkit kepada jemaah lain. Ia juga sebahagian daripada usaha dan *ikhtiar* daripada menghadapi virus bahaya ini. Semua sedia maklum bahawa keadaan yang dilalui ini (jarak dalam solat) maka ia dianggap sebagai *Qadiyyah Mustajiddah* (permasalahan baru). Amat sukar untuk mencari panduan dan pandangan ulama terdahulu dalam menghadapi perkara ini. Justeru ijihad dan fatwa ulama terkini amat-amat diharapkan untuk mengetahui suatu keputusan besar pada waktu ini. Sebagai contoh menurut Sheikh Dr Saad Bin Nasir al-Syatri tentang penjarakan dalam solat berjemaah terutama ketika beliau mengulas tindakan al-Haramain melaksanakan penjarakan bahawa katanya "*Mengambil langkah langkah pencegahan demi memelihara nyawa serta memberhentikan penularan penyakit termasuk sebahagian daripada ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah Azza wa Jalla*".

Justeru adalah penting untuk kita memahami pemeliharaan nyawa adalah suatu yang sangat besar dalam konteks ibadah terutama dalam kerangka Maqasid Syariah. Dalam konteks Qawaid Fiqhiyyah bahawa mengelakkan daripada kemudaratan itu suatu yang sangat dituntut dalam Islam. Ulama Usul Fiqh secara umumnya bersetuju mengelakkan kemudaratan yang boleh menjejaskan nyawa manusia adalah suatu yang penting untuk mencapai Maqasid Syariah. Syed Mohsin et al (2020).

Berdasarkan pandangan Ulama tersebut jelas melihatkan ijihad tersebut adalah berdasar untuk memenuhi tuntutan syarak iaitu pemeliharaan nyawa. Berdasarkan pandangan ulama dalam negara dapatlah dirujuk dalam Risalah terbitan Pejabat Menteri

Agama bertajuk “**Isu penjarakan Fizikal semasa Solat di Masjid dan Surau**” menjelaskan bahawa isu penjarakan fizikal dalam solat ini adalah termasuk dalam *fiqh nawazil* (isu-isu terbaharu). Hujah ini berdasarkan beberapa ayat umum dalam keadah fiqh yang jelas memberi hujah dan padangan yang jelas tidak bertentang dengan hukum syarak demi kemaslahatan umat. Semua mengetahui tiada Nas yang jelas berlaku khilaf didalamnya. Demikianlah pada penjarakan fizikal semasa solat. Meskipun ia termasuk dalam perkara yang makruh, namun sekiranya ia dilakukan kerana ada hajat apatah lagi darurat, maka kemakruhan tersebut telah tiada.

6. Pengurangan Jemaah Di Masjid Demi Memelihara Nyawa

Pandemik Covi-19 ini juga telah memberi kesan besar terhadap aktiviti keagamaan dan masyarakat keseluruhannya. Pihak kerajaan secara jelas melalui Majlis agama islam negeri-negeri telah mendapat nasihat daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengurangkan kehadiran Jemaah ke Masjid dan surau seluruh negara. Keputusan ini jelas berdasarkan hakikat bagi mengelakkan kemudaratan lebih besar apabila berlaku perkumpulan yang besar didalam masjid dan surau-surau tersebut. Namun keputusan yang telah dilaksanakan ini telah banyak menimbulkan kekeliruan dikalangan masyarakat betapa keputusan ini dianggap membelakangi suatu keperluan menyemarak syiar Islam melalui kegiatan solat berjemaah dimasjid dan surau. Sebagaimana diketahui bahawa pelaksanaan ibadah solat merupakan satu kefarduan bagi setiap lelaki mukallaf, namun ia berada pada kedudukan hajiyyat atau tahsiniyyat bukan *dharuriyyat*. Manakala pelaksanaan ibadah shalat berjemaah di masjid tanpa menafikan keutamaan dan fadhilahnya, ia hanya merupakan bentuk pelengkap (mukammil) kepada konsep *hifz al-din*.(Shatibi.) Dengan demikian dapat difahami bahawa selagi umat muslim mengerjakan atau melaksanakan ibadah shalat, maka *hifdz al-din* tetap terlaksana.

Begitu juga menghadkan Jemaah solat berjemaah dimasjid juga adalah bertujuan bagi mengelakkan kemudaratan kepada masyarakat. Sebagai contoh di Negeri Selangor beberapa SOP pengimarah masjid juga telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri bertujuan mengelakan penularan berleluasa. Menurut Setiausaha Sulit Sultan Selangor Datuk Mohamad Munir Bani berkata, ia dibuat susulan kes jangkitan Covid-19 yang masih meningkat dengan jumlah kumulatif kes positif mencecah lima angka dan bilangan kematian mencapai tiga digit. Baginda Sultan amat memahami kegusaran dan kebimbangan umat Islam di Selangor yang belum boleh untuk solat fardu dan solat Jumaat berjemaah di masjid kerana mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Disinilah kekuatan dan kefahaman yang wajar kita hormati akibat daripada keprihatinan pemerintah dan pihak berkuasa agama dalam mengangkat martabat

Tujuan Syarak iaitu memelihara kesejahteraan masyarakat daripada keburukan. Pandangan ini adalah bertepatan dengan selaras dengan prinsip kaedah fiqh iaitu *Adam al-haraj*. Jika berlaku sebarang keberatan maka diharuskan *rukhsah* (keringanan). Sebagaimana hukum asal yang difahami masyarakat apabila berlaku hujan lebat dan tidak dapat melaksanakan berjemaah maka diharuskan solat dirumah apatah lagi dengan pandemik covid-19 yang pastinya terdapat halangan yang menghalang daripada melakukan ibadah di masjid.

7. Pendirian dalam mendepani Pandemik dalam konteks *Hifz Nafs*

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa tragedi Penularan Covid-19 ini telah membuka mata masyarakat seluruh dunia bahawa cabaran besar dalam mendepani pandemik yang sangat mencabar ini. Setiap pakar daripada seluruh dunia berjihad dan memberi pandangan mengikut panduan berdasarkan al-Quran dan Sunnah serta pendapat Ulama muktabar. Maka sudah tentulah realiti yang berlaku hari ini tidak seharusnya dijadikan polemik oleh masyarakat awam

dibawah serta membangkitkan kekeliruan berpanjangan. Disini dalam konteks Pemeliharaan nyawa dan jiwa sudah tentu setiap daripada masyarakat memahaminya. Beberapa pendirian harus dilakukan bagi memastikan pandemik ini dapat dikurangkan:

7.1 Fahami kepentingan dan halangan Ibadah semasa wabak

Menurut Dr Muhammd Yusri Awang (2020) sesungguhnya pandemik kali ini bukan sahaja suatu tragedi ekonomi dan politik masyarakat tetapi COVID-19 juga memberi impak tersendiri terhadap aktiviti keagamaan dan kerohanian umat Islam. Oleh itu adalah wajar ruang cabaran ini adalah suatu kesempatan buat umat islam memahami bagaimana Ibadah yang dilakukan oleh masyarakat kita semasa wabak berlaku. Masyarakat juga diberi pendedahan tentang bagaimana suatu keputusan dibuat oleh pemerintah dan pihak berkuasa agama dalam memastikan masyarakat masih dapat melaksanakan ibadah walaupun dalam tempoh pandemik. Sikap bersederhana dan tidak keterlaluan dalam memahami hukum terutama aspek-aspek fiqh juga menjadi tema perbincangan dan pemahaman masyarakat.

Islam adalah agama yang sempurna dalam memimpin umatnya untuk bersedia menghadapi sebarang cabaran termasuk wabak ini. Setiap umatnya diwajibkan menghindari kemudharatan dan melarang umatnya daripada mendekati diri dari tempat-tempat yang dijangkiti wabak penyakit berjangkit (Shafiza Shafie et.al 2020). Sepertimana Hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd Ibn Abi Waqqash R.A beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: *“Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya”*

Islam mengajar umatnya dengan disiplin membendung diri daripada kemudharatan. Tiada jalan yang mudah jika hendak mendapatkan kesejahteraan hidup melainkan kembali kepada ajaran islam dan panduan Sunnah Nabi SAW dan panduan Ulama muftakar. Namun dalam setiap perkara baharu yang timbul seperti Pandemik kesihatan ini maka kita wajar merujuk pada Ulama Fiqh yang dapat mengeluarkan ijtihad masing-masing demi kebaikan umat. Inilah tanda keunggulan islam mengajak umatnya tidak berlebih-lebihan dalam menghayati isu pandemic ini.

Disinilah aspek kesederhanaan dianjurkan oleh Islam sebagaimana dikupas oleh Dr Yusof Qardhawi (1998) berkaitan dengan aspek Universal (syumuliyah) dan Fleksibiliti (murunah). Walaupun isu pandemik covid ini perkara baharu yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat maka Syarak tetap mempunyai jawapannya kerana isu Fiqh itu berkembang sepanjang zaman.

7.2 Merujuk pakar dalam hal berkaitan Fiqh Pandemik

Sudah tentu realiti yang berlaku pada hari ini dianggap baru dan tidak pernah berlaku dalam negara kita. Bersolat secara berjemaah secara berjarak adalah suatu isu fiqh yang telah jelas disebut oleh ulama. Sebagai contoh ijtihad ulama mengharuskan penjarakan Fizikal semasa solat Jemaah adalah suatu keputusan besar yang juga mempunyai hujah yang jelas dan sebab (illahnya). Umum mengetahui bahawa isu menjarakkan saf semasa solat berjemaah bagi mengekang penularan penyakit berjangkit ini adalah dari isu hukum merapatkan saf semasa solat berjemaah. Sebahagian ulama mengatakan bahawa wajib merapatkan saf dan haram menyelisihinya. Manakala jumhur ulama berpendapat bahawa merapatkan saf adalah sunat dan menyelisihinya adalah makruh.

Namun pandangan ini bersesuaian dengan keadaan ikhtiyari (normal) tanpa *idtirari* (darurat). Dalam banyak kaedah fiqh menyebut tentang satu kaedah “*Hukum Makruh itu hilang sekiranya ada hajat*”. Maka penularan penyakit Covid-19. Ia berlaku bukan dalam situasi normal sebaliknya negara kita dan hampir seluruh dunia berhadapan dengan wabak penyakit berjangkit ini. Maka sudah pasti sebarang langkah pencegahan yang boleh diambil, akan diusahakan. Disinilah kita harus merujuk kepada ahlinya dalam meneliti cabaran ini. Bukan suatu perkara mudah untuk mendatangkan hukum terbaru dalam perkara ini.

Oleh sebab itu keputusan melarang ramainya Jemaah bersolat Jemaah dimasjid dan penggunaan pelitup muka dan penggantungan program-program imarah di masjid tidak lain adalah satu ijtihad para ulama agar isu wabak ini tidak memberi kesan kepada kesihatan masyarakat.

7.3 Perubatan dan vaksinasi untuk memelihara jiwa dan mengangkat Masalah

Maqasid al-shari'ah melalui prinsip utamanya adalah mencapai kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Syariat Islam datang dengan seruan kepada manusia untuk melaksanakan kedua dua prinsip ini. Justeru Allah memerintakan sesuatu perkara yang mendatangkan kesan positif kerana ianya membawa kemaslahatan dan melarang sesuatu yang bersifat negatif kerana ianya merupakan kemudaratan. Sikap sesetengah masyarakat yang dimomokan dengan ilusi bahawa perubatan dan vaksinasi adalah suatu yang bertentangan dengan syarak adalah suatu yang merugikan. Bahkan jika dibiarkan akan lebih memberi kemudaratan kepada masyarakat dan negara. Menurut Abdullah (2014) menjelaskan bahawa *fuqaha* dan pengkaji muslim sentiasa membahaskan isu-isu yang berkaitan ketulinan vaksin. Sehingga kini, tiada satu pun vaksin yang digunapakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia diragui proses pembuatannya bercampur dengan babi.

Dalam konteks pandemik covid-19 ini adalah suatu yang sangat penting untuk setiap masyarakat mendapatkan vaksin kerana ianya sangat besar maknanya dalam mengelak diri dan orang lain daripada dijangkiti. Disini lah kita harus memahami konteks Masalah dan Mafsadah dalam mendepani covid-19 ini. Bagi yang menolak vaksin bukan kerana mereka tidak mengetahui kepentingan menjaga diri daripada kemudaratan tetapi lebih kepada kepercayaan kepada kesahan vaksin tersebut kerana dianggap tidak halal. Ternyata pihak KKM dan JAKIM telah memberi pengesahan bahawa vaksin di Malaysia tiada unsur-unsur yang haram serta memudaratkan dan vaksinasi melalui program ini adalah harus dilaksanakan

Oleh yang demikian dalam isu vaksin yang mana ianya bertujuan mengelakan kemudaratan diri, sebagai masyarakat yang waras sebaiknya merujuk kepada golongan yang yang pakar kalangan doktor perubatan dan pakar rujuk agama agar keputusan yang dibuat ibu bapa hari ini memberi manfaat terhadap kesihatan tubuh badan dan keselamatan nyawa anak-anak sebagai generasi pelapis masa depan negara.

8. Kesimpulan

Berdasarkan kepada kepentingan memelihara nyawa sebagai satu usaha yang sangat penting jelas bahawa peranan dan tanggungjawab masyarakat adalah untuk memastikan kesan pandemic covid ini wajar dielakkan melalui usaha-usaha yang telah ditetapkan. Kempen demi kempen yang disarankan oleh pihak *Ulil Amri* seperti penjarakan fizikal, peraturan mematuhi SOP yang ditetapkan, gesaan untuk mendapatkan vaksin yang mengelakan coronavirus ini adalah suatu kemaslahatan yang penting dan mesti dipatuhi. Tiada lain yang wajar diberi keutamaan oleh masyarakat melainkan memahami tujuan dan kepentingan memelihara diri daripada kebinasaan yang lebih merugikan. Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab

mengabaikan tugas dalam memelihara diri daripada keburukan ini bukanlah suatu yang baik dari kaca mata Islam malah bertentangan dengan tujuan syarak. Sememangnya Islam mendidik umatnya agar memahami objektif syariah (Maqasid Syariah) dengan jelas dan tidak mudah terpengaruh dengan maklumat dan kempen yang tidak berpaksikan kepada ilmu yang benar.

Melaksanakan konsep pencegahan yang teliti bagi mengelakkan penyebaran wabak yang boleh merosakkan jiwa. Ini berdasarkan sabda Nabi SAW;

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الطَّاعُونَ، فَأَحْبَبَنِي "أَنَّهُ عَذَابٌ يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ، وَأَنَّ اللَّهَ جَعَلَهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ، لَيْسَ مِنْ أَحَدٍ يَفْعُ الطَّاعُونَ، فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ -وفي رواية أحمد: فَيَمُوتُ فِي بَيْتِهِ- صَابِرًا مُحْتَسِبًا، يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا يُصِيبُهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ، إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ شَهِيدٍ

Bermaksud: “Daripada ‘Aishah r.a yang merupakan isteri Nabi s.a.w, beliau berkata: “Aku bertanya Rasulullah s.a.w mengenai (penyakit) taun. Baginda memberitahu kepadaku: “Sesungguhnya ia merupakan azab yang ALLAH hantar kepada sesiapa yang DIA kehendaki. Sesungguhnya ALLAH menjadikannya rahmat kepada orang-orang yang beriman. Tiada seorang pun yang berlaku taun (di tempatnya), lalu dia kekal berada di tempatnya -dalam riwayat al-Imam Ahmad: kekal berada dalam rumahnya- dalam keadaan sabar serta mengharap (pahala atau kesembuhan dari ALLAH) dengan dia percaya bahawa tidak menyimpannya melainkan apa yang ALLAH tetapkan untuknya, maka baginya seperti pahala seorang syahid”.

(al-Bukhari)

Justeru dalam keadaan seperti hari ini dimana wabak Covid-19 merupakan satu ancaman yang merbahaya bagi nyawa mahupun jiwa manusia yang mana ia merupakan tujuan asal (*maqasid asliy*) terhadap *hifdz al-nafs* itu sendiri, maka, penangguhan atau larangan pelaksanaan ibadah berjamaah di masjid di tengah peristiwa wabak Covid-19 adalah selaras berasaskan kepada penjagaan maqasid syariah iaitu menjaga jiwa yang bertujuan untuk mendatangkan *maslahah* dan mengelakan *mafsadah* yang dapat menimpa manusia. Islam adalah agama yang sempurna mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Apabila berlakunya pandemik seperti Covid 19 ini bukanlah perkara baru kerana ia telah mendatangkan dalil, langkah pencegahan dan menerangkan juga kesan serta hikmah di atas segala musibah sepertimana penyakit merbahaya sebelum ini. Semua dalil ini bertujuan bagi memelihara kemaslahatan umat dalam agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Justeru itu, kerjasama antara pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting dalam mengekang penyebaran sesuatu wabak.

9. Rujukan

Al-Quran

Abdullah.S.(2014). *Vaksin untuk bayi anda. Mitos vs Realiti*. Koperasi Amal Medik Malaysia Bhd. Kelantan.Malaysia

- al-Najjar, Abdul Majid. (2014). *Abc ad Jadidah li Maqasid al-Shariah*. Majallat al-Azhar. Julai.
- al-Fayruz Abadiy. (1997). *Al-qamus al-muhit*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi
- al-Raysuni, *Nazhariyyat al-Maqasid 'inda al-imam al-Shatibi*, (Beirut: Al-Muassasah alJam'iah li Dirasat, 1992), hlm 15.
- Abu Ishaq al-Shatibi (1997), *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariah*, cet. 3, (Beirut: Dar Al-Makrifah, 2: 326
- al-Raisuni, (2009) *al-Madkhal ila Maqasid al-Shariah*. Mesir: Dar al-Kalimah
- al-Hasani, Ismail (1995) *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tahir Ibn al-Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought. Cet. 1. h.114,115
- Arieff Salleh Rosman et al (2019) *Fatwa & Sains Perubatan Moden Menurut Perspektif Maqasid Syariah*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)
- Asmadi Mohamed Naim (2016) *Memahami kerangka maqasid al-syariah dalam kewangan dan pelaburan*. Seminar “Pasaran Modal Islam Malaysia 2016” Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Dengan Kerjasama Bursa Malaysia
- Berita Harian (2020) Usah Biar golongan antivaksin bunuh ilmu sains
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/786569/usah-biar-golongan-antivaksin-bunuh-ilmu-sains> (Online). Diakses 18 Mac 2021
- Chapra, M. U. (2008c). *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah*. London, England: The International Institute of Islamic Thought.
- Eikhwan Ali et.al (2020) Pandemik Covid-19 : Mendepani Impak Psikososial. Perspektif.
<https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/04/PERSPEKTIF-Pandemik-COVID-19-Mendepani-Impak-Psikososial.pdf> (Online). Diakses pada 19 Mac 2021
- Ibrahim bin Musa Abu Ishaq al-Shatibi (1998) *Al-Muwafaqat*, (*Mamlakah al-Arabiyah al-Su'udiyah*: Dar ibn 'Affan, cet. 1), jilid 2, hlm 18-19.
- Al-Bayan (2020) *Isu Penjarakan Fizikal Semasa Solat Berjemaah di Masjid dan Surau. Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (hal ehwal agama)*.
[https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/Al-Bayan SIRI-6_FINAL-4_compressed.pdf](https://mira.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/Al-Bayan_SIRI-6_FINAL-4_compressed.pdf) Online. Diakses pada 18 Mac 2021
- Harian Metro (2021) *Had ahli Jemaah Solat di Masjid demi keselamatan*
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/668880/had-ahli-jemaah-solat-masjid-demi-keselamatan> (Online) Dilihat pada 18 Mac 2021
- Ibn Manzur (1993). *Lisan Al- 'Arab*. Jld. 11. Beirut, Lubnan: Maktabah Tahqiq Al-Turath.

- ‘Izz al-Dīn Abd al-Aziz Ibn ‘Abd al-Salām, *Qawā’id al-Ahkām fī Islāh al-Anām* (Damsyik : Dār al-Qalam, t.t), 14.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021) *Vaksin Covid-19 Menurut Perspektif Islam* <http://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/01/vaksin-covid19-menurut-perspektif-islam> (Online) Dilihat pada 16 Mac 2021
- Kasule, Omar Hasan (2004). *Al-Akhlaqiyat al-tibbiyah min al-maqasid al-Syar’iyah*. Diakses daripada www.islamonline.net pada 5 Mac 2017.
- Khairunneezam, M. N. (2018). *Kemurungan dan panduan Islam dalam menghadapinya*. *Risalah USIM*. dari <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/kemurungan-dan-panduan-islam-dalam-menghadapinya/> Dicapai pada 12 November 2021
- Muhammad al-Tāhir Ibn ‘Āsyūr. (1998). *al-Syaykh Muhammad al-Tāhir Ibn ‘Āsyūr wa Kitābuhu Maqāsid al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. t. t.: alBasa’ir
- Muhammad Adil Khan Afridi (2016) *Maqasid al-Shariah and Preservation of Basic Right*. *Journal of Education ad Social Science* Vol 4
- Mas’ud Shabary (2020) *Fatawa Ulama Haula Firus Kuruna*. *Qahirah: Dar al-bashir li al-Thaqafah wal Ulum*
- Muhamad Yusri Awang (2020) Peluang fahami Kaedah Ibadah ketika Wabak <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/696540/peluang-fahami-kaedah-ibadah-ketika-wabak> (online) Diakses 18 Mac 2021
- Nuruddin Al-Mukhtar Al-Khadimi (2006) *Al-Munasabah Al-Syar’iyyah Wa Tatbiqaha al-Mu’asiroh*, (Beirut: Dar Ibn Hazm), hlm. 77.
- Sayyed Mohamed Muhsin & Muhamad Mumtaz Ali (2020) *Facing Covid 19 In the Light of The Maxim “ No Harm shall be Inflicted or Reciprocated*. *Proceeding Insla. USIM*. Vol 3. Page 450-458
- Shafiza Shafie & Zulkifli Mohamad (2020) *Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam*. *Jurnal al-Turath*; Vol. 5, No. 2
- Sohana Abd Hamid (2019) *Anti Vaksin: Apakah Natijahnya kepada masyarakat?* *Journal Social Science and Humanities*. Vol. 16, No.2 (1-5) Faculty of Social Science and Humanities. Bangi
- Wahidin. Johari, Syahpawi (2020) *Impact of Covid-19 Pandemic On the Implementation of Islamic Fiqh al-Tasawabit and Al-Mutagayyirat Approach*. *Sys Rev Pharm* 2020:11(12) 1103-1107
- Wahbah al-Zuhaili (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Damaskus: Dar al-Fikri, cet. 2.), hlm 225.